## Soalan Subjektif

*Jawab* **semua** *soalan.*

klorofluorokarbon | rumah hijau | pertambahan | berterusan | atmosfera

### 9.1 Maksud Pemanasan Global

Buku Teks: m.s. 138 – 139

1. Nyatakan maksud pemanasan global. TP1

Pemanasan global ialah peningkatan suhu ______ bumi secara ______ akibat daripada kesan ______ yang melibatkan ______ gas karbon dioksida, ______ dan bahan-bahan pencemar lain.

### 9.2 Faktor-faktor Pemanasan Global

Buku Teks: m.s. 140 – 141

Foto berikut menunjukkan antara kegiatan utama di Malaysia.



2. (a) Apakah gas yang mungkin dihasilkan jika pembakaran jerami dilakukan? TP2

______

______

(b) Nyatakan dua lokasi penanaman padi utama di Semenanjung Malaysia. TP2

______

______

(c) Bagaimanakah aktiviti pertanian boleh menjadi faktor pemanasan global? TP2

Aktiviti pertanian boleh menjadi faktor pemanasan global apabila aktiviti pertanian menggunakan ______ serangga dan baja ______ . Selain itu, ______ secara besar-besaran untuk menjalankan aktiviti pertanian serta ______ hutan untuk menghasilkan ______

penyahhutan | ladang | racun | pembakaran | kimia

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

(d) Selain daripada aktiviti pertanian, apakah aktiviti lain yang mampu menjadi faktor pemanasan global? TP 2

Selain daripada aktiviti pertanian, aktiviti lain yang mampu menjadi faktor pemanasan global ialah ____ gunung berapi yang mengeluarkan banyak asap dan ____ . Penerimaan pancaran matahari yang ____ serta ____ hutan secara semula jadi. Selain itu, pembebasan ____ oleh kenderaan bermotor dan aktiviti perindustrian yang menggunakan bahan api ____

berlebihan | asap | kebakaran | fosil | letusan | debu

## 9.3 Kesan-kesan Pemanasan Global

Buku Teks: m.s. 142 – 143

3. (a) Jelaskan kesan-kesan pemanasan global kepada alam semula jadi. TP 4 KBAT Menganalisis

Antara kesan-kesan pemanasan global kepada alam semula jadi ialah peningkatan ____ , ini disebabkan oleh ____ ais di kutub yang mengakibatkan ____ besar dan hakisan yang dapat menenggelamkan kawasan daratan serta memusnahkan harta benda dan mengancam nyawa. Ia juga menjejaskan ____ bekalan makanan dan air bersih.

Selain itu berlakunya ____ cuaca seperti mengakibatkan banjir, ribut, ombak besar dan taufan. ____ hujan menjadi tidak menentu, udara menjadi kering dan mudah berjerebu. Terdapat juga kawasan yang mengalami ____ teruk serta mengakibatkan kemusnahan flora dan fauna.

Taburan | kemarau | gangguan | sumber | pencairan | aras laut | banjir

Bab 9

(b) Pemanasan global bukan sahaja memberi kesan kepada alam semula jadi tetapi juga manusia. Apakah kesan pemanasan global kepada manusia? TP 4 KBAT Menganalisis

Antara kesan pemanasan global kepada manusia ialah kekurangan sumber ____ apabila air laut menjadi panas dan mengganggu ____ marin. Berlaku juga banjir yang ____ kawasan pertanian. Sesetengah kawasan mengalami kemarau, tanah menjadi tandus dan tidak ____ . Situasi ini mengancam sumber makanan dunia.

Selain itu, terjadinya masalah ____ serta risiko kehilangan nyawa. Gelombang haba berisiko menyebabkan ____ haba dan dehidrasi. Risiko penyakit berkaitan dengan haba seperti katarak dan ____ kulit juga meningkat.

kesihatan | memusnahkan | strok | subur | kanser | makanan | ekosistem

CS CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## 9.4 Langkah-langkah Mengurangkan Kesan Pemanasan Global

Buku Teks: m.s. 144 – 145

4. Jelaskan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan pemanasan global. TP 3 KBAT Mengaplikasi






Antara langkah-langkah untuk mengurangkan kesan pemanasan global ialah mengamalkan ______ iaitu Rethink, Reduce, Repair, Reuse dan Recycle. ______ merangkumi penggunaan semula barang-barang terpakai seperti kertas, botol dan kaca. Selain itu, pengeluaran sampah juga dikurangkan, iaitu ______ . ______ ialah membaiki semula bahan-bahan yang masih boleh diguna pakai. Bahan-bahan terpakai juga boleh digunakan semula. Akhir sekali ialah ______ iaitu kitar semula bahan-bahan terpakai.

Aktiviti ______ pokok di rumah, sekolah dan pusat beli-belah juga boleh diamalkan. Aktiviti ini merupakan salah satu cara untuk mendidik individu ______ alam sekitar sejak di bangku sekolah.

Recycle | menanam | Repair | 5R | mencintai | Reduce | Reuse

Bab 9



TP3 Menguasai | Belum menguasai

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

Aktiviti menanam pokok di rumah dan di sekolah merupakan salah satu cara untuk mendidik masyarakat mencintai alam sekitar. Murid-murid dengan kerjasama pihak sekolah digalakkan untuk menanam pokok-pokok hijau dalam melahirkan generasi yang prihatin terhadap alam sekitar. Malah, amalan mencintai alam sekitar juga turut disemai dengan penanaman pokok-pokok hijau di pusat beli-belah. Salah satu pusat beli-belah yang mengambil inisiatif ini ialah pusat beli-belah AEON. Objektifnya adalah untuk menyokong amalan 5R yang giat dijalankan agar kempen ini dapat mengurangkan kesan pemanasan gobal.

5. Berdasarkan petikan di atas, sejauh manakah amalan kitar semula dan kempen bebas plastik berjaya mendidik golongan murid agar mencintai alam sekitar? TP5 KBAT Menilai

Antara amalan kitar semula yang boleh dilakukan oleh murid ialah membawa beg ______ alam sekitar semasa membeli belah bersama keluarga. Kempen bebas ______ ini telah disebarkan kepada seluruh masyarakat. ______ sisa yang dikitar semula juga boleh dilakukan di kawasan tempat tinggal, Syarikat pungutan sisa domestik akan ______ sisa yang boleh dikitar semula seminggu sekali. Amalan-amalan ini menunjukkan kesedaran kepada murid dan masyarakat tentang ______ alam sekitar. Kempen seperti ini perlu diteruskan bagi menjaga ______ alam sekitar agar terus kekal untuk generasi akan datang .

pengasingan | kelestarian | pemeliharaan | plastik | memungut | mesra

6. Berikan pendapat anda tentang pendidikan yang boleh diterapkan dalam kalangan remaja dan masyarakat mengenai pendidikan alam sekitar. TP5 KBAT Menilai

Pendidikan alam sekitar di sekolah boleh diterapkan melalui pengajaran dan ______ di dalam kelas atau melalui aktiviti ______. Contohnya, melalui mata pelajaran Sains dan Geografi. Melalui sukatan mata pelajaran Geografi, murid didedahkan tentang amalan ______ serta kepentingannya dalam ______ alam sekitar.

Selain itu, di peringkat komuniti pula, kerjasama boleh dijalankan antara pihak Rukun Tetangga dan Majlis Perbandaran di sesebuah kawasan. Kerjasama ini bertujuan untuk mencapai objektif dalam mengurangkan pemanasan global, terutama di kawasan bandar. Antara program yang boleh diwujudkan ialah " ______ Kitar Semula" dan "Amalan 5R", Ahli masyarakat perlu mempunyai ______ dalam usaha mengurangkan pemanasan global. Didikan boleh dilakukan di rumah seperti menanam pokok, menanam sampah sarap dan mengelakkan ______ terbuka.

Kempen | kitar semula | kokurikulum | pembelajaran | pembakaran | memelihara | kesedaran

CamScanner
LIVEWORKSHEETS